

▼30/07/16-20MST

CNS2882

U GB 30-07 00196 BB075

aab

Mahathir - Arqam

AL-ARQAM BOLEH TUBUH PARTI POLITIK JIKA IA TIDAK MENYELEWENG, KATA PM

I

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Al-Arqam akan dibenar menubuhkan sebuah parti politik jika ia tidak menyebarkan ajaran Islam yang menyeleweng.

Katanya kerajaan sebelum ini membenarkan kumpulan lain yang terlibat dalam menyebarkan ajaran Islam membentuk parti politik dan tiada tindakan diambil terhadap mereka.

Semasa menjawab soalan pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan ke-23 di sebuah hotel di sini hari ini, Pengerusi Barisan Nasional itu berkata tiada peruntukan dalam negara ini untuk mengadakan pungutan suara hanya kerana seseorang itu menganggap bahawa dia layak menjadi Perdana Menteri.

Kepada soalan mengenai cadangan Ashaari supaya satu pungutan suara diadakan untuk menentukan popularitinya dan pemimpin-pemimpin kerajaan, Dr Mahathir berkata jika pemimpin Al-Arqam itu merasakan bahawa beliau layak menjadi Perdana Menteri, beliau boleh bertanding dalam pilihan raya.

"Saya bukan menjemputnya, saya hanya berkata bahawa jika beliau ingin bertanding dalam pilihan raya, beliau boleh bertanding dengan cara yang betul... tetapi jangan cuba menyebarkan ajaran menyeleweng di negara ini kerana ia amat berbahaya," katanya. -- Laqi

▼30/07/15-13MST

U GB 30-07 00185 BB076

aab

Mahathir - Arqam 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Al-Arqam sebelum ini. Tetapi kini pemimpinnya (Ashaari) menganggap beliau mempunyai sifat Tuhan, "katanya seperti Tuhan, beliau hanya perlu berkata jika aku katakan jadi maka jadilah."

Kerajaan mengambil tindakan terhadap Al-Arqam hanya kerana kumpulan itu menyeleweng daripada ajaran Islam.

"Kita tidak bimbang terhadap mereka secara politik, tetapi dalam negara ini kita tidak membenarkan ajaran menyeleweng dan mereka mempunyai orang ini (Ashaari) yang mendakwa beliau telah berbicara dengan Rasulullah, malah Rasulullah sendiri yang datang kepadanya dan memanggilnya Tuan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan membenarkan kumpulan itu meneruskan kegiatannya kerana pada awalnya mereka tidak menyeleweng, tetapi pemimpinnya menjadi terlalu yakin bahawa beliau boleh mempengaruhi penqikutnya, beliau mula memikirkkan bahawa beliau ialah Imam Mahadi tetapi kerajaan percaya bahawa beliau bukannya Imam Mahadi.

"Kini kita perlu memberi penjelasan kepada rakyat kenapa kita mengambil tindakan ini, kita mahu mereka menjauhkan diri daripada pertubuhan ini dan jika mereka mengambil tindakan bertentangan dengan undang-undang, kita akan mengambil tindakan terhadap mereka," katanya. -- Laqi

▼30/07/15-36MST

Menyentuh matlamat PAS untuk menawan Terengganu dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata parti itu sebenarnya lebih berminat untuk mengawal hasil kekayaan negeri pantai timur itu yang mendapat hampir setengah ribu juta setahun.

"Pas nak kawal duit, bukan kerana agama... dia nampak duit, itu sebab dia berusaha memperalatkan agama untuk nak dapat kuasa, supaya dia boleh dapat kuasa terhadap hasil kerajaan Terengganu yang begitu besar.

"Begitu juga dengan DAP, yang mencadangkan rancangan Tanjung 3, atau mungkin ada lagi Tanjung 4, Tanjung 5, Tanjung 10 setiap kali ada pilihan raya umum tetapi setiap kali ada Tanjung bernombor itu, DAP kalah dalam pilihan raya," katanya.

Beliau berkata parti itu selalunya memainkan isu perkauman dalam pilihan raya, terutama orang Cina di Pulau Pinang dengan mendakwa kononnya Malaysia tidak boleh maju jika tiada parti pembangkang.

Perdana Menteri menegaskan bahawa jika pembangkang memberi teguran yang membina tidak mengapa, tetapi pembangkang seperti DAP yang langsung tidak memainkan peranan, tidak diperlukan negara.

Pencapaian kemajuan di Pulau Pinang yang luar biasa, katanya, bukan kerana adanya DAP kerana negeri-negeri lain yang tidak mempunyai DAP juga masih boleh maju. -- Lagi

930/07/15-44MST

CNS2948

R-GB 30-07 00160 BB078

aab

Mahathir - Arqam 4 Kuala Lumpur

Kepada satu soalan wartawan asing, Dr Mahathir berkata semua syarikat di negara ini berkait rapat dengan kerajaan kerana dasar persyarikatan Malaysia.

"Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk berhubungan dengan masyarakat peniaga kerana dalam persyarikatan Malaysia, kerajaan dan sektor swasta bekerjasama membangunkan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau mengenali setiap ahli perniagaan dan ahli perniagaan boleh berhubungan dengan kerajaan dan beliau percaya bahawa konsep itu merupakan kunci kejayaan Malaysia.

Perdana Menteri yang ditanya sama ada beliau akan berhenti daripada memberikan kontrak kepada syarikat-syarikat besar yang berkait rapat dengan ahli-ahli politik Umno untuk membendung politik wang di negara ini, berkata tender kerajaan diberikan sama ada melalui tender terbuka atau melalui tender yang dirundingkan.

"Setiap orang walaupun syarikat asing, mempunyai peluang mencuba dan biasanya setiap yang gagal memenangi tender akan menganggap ia tidak adil, tetapi jika mereka mendapatnya, maka adillah bagi mereka," katanya. -- Lagi

930/07/16-12MST

CNS2949

R-GB 30-07 00096 BB079

aab

Mahathir - Arqam 5 (Akhir) Kuala Lumpur

"Kami berpendapat kerajaan dan sektor swasta mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama dan membangunkan negara ini dan oleh itu kita pupuk hubungan berkenaan, persahabatan dengan sektor swasta," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak ahli perniagaan yang gagal mendapat tender walaupun baik dengan kerajaan, "tetapi mereka ini tidak dipedulikan, tetapi mereka yang berjaya akan segera dikatakan begitu rapat dengan kerajaan."

"Bagaimanapun semua ahli perniagaan di Malaysia sememangnya berhubungan rapat dengan kerajaan kerana inilah dasar persyarikatan Malaysia," katanya.

-- Bernama

AFY KON